



# BULETIN 2023/2024

## MAJLIS PERJUMPAAN YAB. MENTERI BESAR PAHANG BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG SECARA HIBRID



**KUANTAN, 9 Jan 2024** - Penjawat awam di Pahang diingatkan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan jentera kerajaan dapat bergerak dengan berkesan. Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Menteri Besar Pahang Bersama Penjawat Awam Negeri Pahang di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah.

Semua jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang berhimpun bagi mendengar amanat yang disampaikan untuk melaksanakan dasar dan menjayakan setiap aspirasi yang telah disusun oleh pentadbiran kerajaan negeri.



# BULETIN 2023/2024

## UCAPAN ALUAN KETUA PENDAKWA SYARIE



Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Pahang 1st.

Saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas kesempatan yang diberikan bagi mencoret sepatah dua kata dalam Buletin Shoutul Dakwa 2023/2024 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi atas kejayaan menerbitkan buletin ini. Sesungguhnya usaha warga Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) dalam merakamkan pelbagai peristiwa penting sepanjang tahun termasuklah informasi bermanfaat telah membuktikan komitmen dan kerjasama padu semua untuk memberi hasil yang terbaik.

Kerjasama seluruh warga JPSP bagi memperkuuh saf dan barisan, memperkemas langkah juga hala tuju jabatan bagi memeta kecemerlangan JPSP.

Alhamdulillah, tahun 2023/2024 telah kita harungi bersama, banyak perkara yang telah memberikan pelajaran berguna. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada seluruh warga JPSP atas segala dedikasi, menjayakan segala perancangan dan gerak kerja JPSP. Harapan saya, kita hendaklah sentiasa bersama bergerak sederap dan senada dalam memperkasakan Undang-undang Jenayah Syariah dalam mendepani cabaran masyarakat masa kini. Saban tahun peningkatan kes Jenayah Syariah semakin meningkat dan membimbangkan. Penguatkuasaan yang lebih tegas dan agresif dalam pelaksanaan undang-undang ini perlu dilaksanakan agar kesalahan Jenayah Syariah tidak dilakukan berulang kali.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan semua warga JPSP dan berharap semua warga dapat memberikan perkhidmatan terbaik walau di mana sahaja anda berkhidmat, walau di gred apa anda berada. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Salehuddin Abdul Manaf, AMP.  
Ketua Pendakwa Syarie



# BULETIN TAHUN 2024

## Perkongsian Pintar Sistem e-Dakwa Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang Bersama Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan



**KUANTAN, 23 Jan 2024** - Majlis Perkongsian Pintar Sistem e-Dakwa Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) bersama Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan telah diadakan di Tingkat 4, Bilik Mesyuarat BPEN, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pahang. Tujuan majlis ini adalah untuk menyerahkan sistem e-Dakwa daripada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) SUK Pahang ke Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan bagi kegunaan unit rekod jabatan mereka. Sebelum majlis penyerahan, beberapa siri lawatan menanda aras telah dibuat oleh Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan ke Bahagian Pendaftaran dan Rekod JPSP untuk mendapatkan maklumat awal tentang pelaksanaan sistem e-dakwa memandangkan JPSP adalah peneraju utama kepada sistem e-Dakwa yang dibangunkan oleh BTM SUK Pahang.

## Perkongsian Pintar Sistem e-Dakwa Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang Bersama Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



e-Dakwa yang digunakan oleh Bahagian Pendaftaran dan Rekod JPSP untuk melancarkan proses penerimaan, pendaftaran, dan pemulangan kertas siasatan.

**KUANTAN, 13 Feb 2024** - Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) telah menerima kunjungan daripada Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah untuk menanda aras sistem e-Dakwa bertempat di Bilik Mesyuarat Kompleks Muzium Diraja Sultan Haji Ahmad Shah. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk bertukar dan berkongsi maklumat berkenaan sistem



# BULETIN TAHUN 2024

## Taklimat Anugerah Pahang 1<sup>st</sup>

**KUANTAN, 31 Jan 2024** - (Rabu) jam 9:00 pagi, Taklimat Anugerah Pahang 1<sup>st</sup> bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah disampaikan oleh Encik Mohd Muhammin Bin Abdul Ghafar (SUK Pahang). Anugerah Pahang 1<sup>st</sup> telah diadakan pada setiap tahun yang mana jabatan / agensi yang menyertai akan dinilai mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Perkara menarik yang dapat dikongsikan ialah proses penyediaan dokumen untuk menyertai Anugerah Pahang 1st, kategori pemenang dan lain-lain lagi serta hadiah yang akan diterima mengikut kategori.



## Taklimat Pengurusan Pusat Sumber

**KUANTAN, 5 Feb 2024** - ( Isnin) jam 9:30 pagi, telah berlangsung Taklimat Pengurusan Pusat Sumber dan u-Pustaka bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang.

Antara pengisiannya ialah tatacara merekod nombor kod, menyusun dan menyimpan buku mengikut kategori bahan bacaan dengan kemas dan tersusun.

Perkara ini penting kerana bagi memudahkan proses peminjaman buku dikalangan kakitangan JPSP di Pusat Sumber agar lebih selamat dan sistematik.



# BULETIN TAHUN 2024

## Kursus Penyediaan Surat Rasmi, Memo Minit Mesyuarat

**KUANTAN, 29 Jan 2024** - Bertempat di Hotel Mega View Kuantan, telah berlangsung Kursus Penyediaan Surat Rasmi, Memo dan Minit Mesyuarat Anjuran Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang yang telah disampaikan oleh Encik Akhirruddeen Bin Awang. Penerangan yang diberikan adalah berkaitan penggunaan gaya bahasa yang tepat dalam setiap penulisan berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, peserta kursus diberikan tugas mengikut kumpulan dan perlu dibentangkan dalam slot yang telah ditetapkan. Gaya bahasa yang tepat amat penting digunakan dalam setiap penulisan bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kursus berlangsung selama dua hari bermula 29 Januari dan berakhir pada 30 Januari.



## Kursus Integriti Penjawat Awam

**PEKAN, 20 Feb 2024** - Pada Selasa dan Rabu yang lepas telah berlangsung Kursus Integriti dan Tatatertib anjuran Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang bertempat di Hotel Ancasa Royale, Pekan Pahang. Kursus tersebut disampaikan oleh Puan Norbaiti Hanum Binti Hedzir, Unit Integriti (SUK) Pahang.

Antara penekanan yang diberikan ialah penjelasan berkaitan kehadiran bertugas, elemen-elemen rasuah, hukuman dan lain-lain lagi. Selain itu juga, penceramah turut menegaskan bahawa semua penjawat awam hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.



# BULETIN TAHUN 2024



## Bengkel Pengukuhan Perjawatan

**BENTONG, 25 Mac 2024** - Bersamaan 14-15 Ramadan 1445 Hijrah, hari Isnin dan Selasa telah berlangsung Bengkel Pengukuhan Penjawatan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Agama Islam Daerah Bentong, Pahang. Objektif utama ialah menyusun semula struktur organisasi bagi memudahkan urusan serta mengukuhkan perjawatan jabatan.



## Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang Bil 1/2024.

**TEMERLOH, 18 Apr 2024** - Pada Khamis lepas bersamaan 9 Syawal 1445H jam 9:30 pagi, telah diadakan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 1/2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Pendakwa Syarie Pahang (KPS) Tuan Haji Salehuddin Bin Abdul Manaf, bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Temerloh.

Beberapa perkara dibincangkan bersama wakil pihak majikan dan wakil pihak pekerja. Setiap usul yang diutarakan, sangat diberikan perhatian dan pertimbangan yang sebaliknya oleh KPS dan ahli mesyuarat bagi memastikan segala keperluan kakitangan jabatan dapat dipenuhi untuk membantu melaksanakan tugas harian dengan lancar.



# BULETIN TAHUN 2023



## Bengkel Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan

**JERANTUT, 16 Jan 2023** - Pada 16 hingga 18 Januari 2023 bertempat di Felda Residence Tekam Jerantut telah diadakan Bengkel Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan kepada semua kakitangan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang. Jabatan telah menjemput Encik Mohd Ghazali bin Jusoh daripada Majlis Ugama Islam Pahang selaku pemudahcara yang berlangsung selama dua hari tersebut. Tujuan bengkel ini diadakan adalah mendedahkan kepada kakitangan mengenai pengurusan aset dan stor Kerajaan mengikut arahan dan tatacara yang berkaitan dengan pekeliling perbendaharaan yang berkuatkuasa.



## Tayangan Portal Rasmi Jabatan

**KUANTAN, 21 Mac 2023** - Satu tayangan portal rasmi jabatan telah dilangsungkan pada 21 Mac 2023 yang bertempat di bilik mesyuarat bangunan Malaysia Palm Oil Board (MPOB) Kuantan kepada pegawai dan kakitangan JPSP. Tayangan ini juga dihadiri oleh Ketua Pendakwa Syarie bagi mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan kepada portal rasmi yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.



# BULETIN TAHUN 2023



## Mesyuarat Penyelarasan Tugas antara JPSP dan JAIP BIL 1/2023

**TEMERLOH, 1 Feb 2023** - Mesyuarat Penyelarasan Tugas Antara Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP) dengan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) Bil. 1/2023. Bersamaan 10 Rejab 1444 (Rabu) bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh telah berlangsung satu Mesyuarat antara Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Pahang. Pelbagai isu dan perkara berbangkit yang dibincangkan dalam mesyuarat ini. Semoga apa yang dirancang berjalan dengan lancar.

## Taklimat Penerangan Undang-Undang dan Lesen Perjudian oleh Kementerian Kewangan Malaysia

**KUANTAN, 7 Feb 2023** - Taklimat Penerangan Berkaitan Undang-undang Dan Lesen Perjudian Dikeluarkan Oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Bersamaan 16 Rejab 1444 (Selasa). Tuan Ahmad Hazerie bin Hashim selaku Ketua Ponolong Setiausaha, KPSU (wa) Kementerian Kewangan Malaysia dijemput sebagai penceramah undangan untuk memberikan taklimat berkaitan yang bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang telah berlangsung Taklimat Penerangan Berkaitan Undang-undang dan Lesen Perjudian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Taklimat ini juga turut melibatkan Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Pahang.



# BULETIN TAHUN 2023

## KUNJUNG HORMAT JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG (JPSP) TAHUN 2023



### Kunjungan Hormat Kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

**KUANTAN, 7 Feb 2023** - Kunjungan hormat daripada Ketua Pendakwa Syarie Pahang Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, AMP dan pegawai-pegawai Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang kepada YH Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim. Pertemuan ringkas tersebut telah berlangsung di Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan beberapa perkara berkenaan dengan perjawatan dan penstruktur semula organisasi telah dibincangkan bersama. Sebagai jabatan baru yang masih bertatih dan berusaha untuk bergerak maju ke hadapan setanding jabatan lain di negeri Pahang, JPSP telah mengambil perhatian beberapa perkara penting yang dicadangkan oleh YH Dato' Dr. Mohd Zakaria bin Ibrahim untuk penambahbaikan jabatan.



### Kunjungan Hormat Kepada Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli

**KUANTAN, 8 Feb 2023** - Kunjungan hormat daripada Ketua Pendakwa Syarie Pahang Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, AMP dan pegawai-pegawai Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang kepada YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Pertemuan ringkas tersebut telah berlangsung di Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan beberapa perkara berkenaan dengan penjawatan dan penstruktur semula organisasi yang telah

dibincangkan bersama YH Dato; Dr. Mohd Zakaria bin Ibrahim sebelum ini, telah dibentangkan semula di hadapan YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad. JPSP sangat menghargai dan berbesar hati dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad pada cadangan program jabatan yang akan dianjurkan bersama agensi agama di dalam dan luar negeri Pahang.



# BULETIN TAHUN 2023



## Kunjungan Hormat Kepada Yb Penasihat Undang-undang Pahang, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang

**KUANTAN, 7 Mac 2023** - Pada 7 Mac 2023 jam 9:30 pagi, YB Dato' Saiful Edris bin Zainuddin, Penasihat Undang-undang Negeri Pahang telah sudi menerima kunjungan hormat daripada JPSP. Bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, kunjungan hormat ini disambut baik oleh YB Dato' Saiful Edris bin Zainuddin dan Pegawai Syariah.

Seramai lapan (8) orang kakitangan JPSP diketuai oleh Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, telah hadir bagi membincangkan isu semasa perundangan Jenayah Syariah dan cadangan pindaan enakmen yang berkaitan dalam pengendalian prosiding di Mahkamah Syariah. YB Dato' Saiful Edris bin Zainuddin mencadangkan untuk dikemukakan kertas kerja atau deraf cadangan pindaan Undang-undang berkaitan ke Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan pejabat beliau untuk penelitian bersama.

## Kunjungan Hormat Kepada Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (Jksp) Sempena Persaraan Dalam Perkhidmatan

**KUANTAN, 31 Mac 2023** - Kunjungan hormat merangkap lambaian mesra daripada Ketua Pendakwa Syarie Pahang Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf dan pegawai-pegawai Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang kepada YAA Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md Yunos.

Pertemuan ringkas tersebut telah berlangsung di Kamar Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP). Kunjungan Hormat ini merupakan kunjungan rasmi terakhir kepada YAA Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md Yunos yang akan bersara dalam perkhidmatan sebagai Ketua Hakim Syarie Pahang. JPSP menzahirkan rasa terima kasih atas kerjasama beliau kepada JPSP dan mengucapkan selamat maju jaya kepada YAA Dato' Sri sempena persaraan tersebut.





# BULETIN TAHUN 2023

## Kunjungan Hormat Kepada Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) Sempena Lantikan Baru Dalam Perkhidmatan

**KUANTAN, 18 Apr 2023** - Bertempat di Kamar Ketua Hakim Syarie Pahang, telah diadakan kunjungan hormat oleh Ketua Pendakwa Syarie Pahang kepada Ketua Hakim Syarie Pahang. Kunjungan hormat ini adalah yang julung kalinya diadakan oleh JPSP selepas pelantikan YAA Dato' Haji Abdul Walid bin Haji Abu Hassan sebagai Ketua Hakim Syarie Pahang berkuatkuasa 3 April 2023. Seramai enam (6) orang kakitangan JPSP diketuai oleh Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, telah hadir bagi membincangkan perkembangan, hala tuju terkini dan tugas Pendakwa Syarie dalam mengendalikan Kesalahan Jenayah Syariah di Negeri Pahang. Kunjungan yang amat bermakna ini telah diadakan pada 18 April 2023 jam 2:30 petang dan turut dirai bersama oleh Pegawai Penyelidik Ketua Hakim Syarie dan Ketua Pendaftar JKSP. Diharapkan agar kunjungan hormat ini dapat memperkuuh jalinan kerjasama dan hubungan baik antara JPSP dan JKSP.



## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)



**KUANTAN, 11 Ogos 2023** - Pada jam 9:30 pagi, Ketua Pegawai Eksekutif MUIP, YH Dato' Ahmad Hairi bin Hussain telah sudi menerima kunjungan hormat daripada JPSP. Bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pengurusan dan Pembangunan Harta, MUIP Kuantan, kunjungan hormat ini disambut baik oleh YH Dato' Ahmad Hairi dan pegawai-pegawai MUIP. Seramai tujuh (7) orang kakitangan JPSP diketuai oleh Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, telah hadir bagi membincangkan isu semasa perundangan, cadangan pindaan enakmen yang

berkuatkuasa di negeri Pahang, tauliah Pendakwa Syarie dan tugas Pendakwa Syarie dalam mengendalikan Kesalahan Jenayah Syariah di negeri Pahang. Perbincangan dan penerangan ringkas berkenaan cadangan penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada turut disampaikan semasa pertemuan tersebut dan satu bengkel akan ditetapkan oleh MUIP khusus untuk meneliti perkara tersebut dengan lebih terperinci. Diharapkan dengan kunjungan hormat ini dapat mengeratkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama antara JPSP dan MUIP demi menegakkan syiar Islam dan memperkasa Undang-undang Jenayah Syariah di negeri Pahang.



# BULETIN TAHUN 2023



## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

**WILAYAH LABUAN, 4 Ogos 2023** - Pada jam 9:00 pagi, JPSP diwakili oleh Timbalan Pendakwa Syarie Muhammad Sahril Bin Sulaiman, telah membuat kunjungan hormat ke Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan bersempena dengan program Seminar Pemahaman Undang-undang Syarak & Sivil 2023. Mewakili Ketua Pendakwa Syarie, sesi tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan organisasi jabatan, data perjawatan mengikut gred lantikan, perjalanan kes jenayah syariah dan keperluan untuk penambahbaikan dasar jabatan.



## Bengkel Pemurnian My Portfolio JPSP

**MARAN, 14 Feb 2023** - Bersamaan 23 Rejab 1444 bertempat di Bilik Mesyuarat Kompleks Makhamah Rendah Syariah Maran 26500 Maran bagi merancang dan mengemaskini My Portfolio Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang.



## Bengkel Latihan Pengemaskinian Portal Rasmi Jabatan

**KUANTAN, 20 Feb 2023** - Bertempat di bilik Latihan Bahagian Teknologi Maklumat SUK Pahang JPSP telah menganjurkan satu Bengkel Latihan Pengemaskinian Portal Rasmi Jabatan yang telah disampaikan oleh Encik Amirul Zharfan Bin Zalid dengan kerjasama Zeen Technology selaku pembekal yang telah dilantik oleh jabatan. Program ini berlangsung selama dua hari bermula 20 Februari dan tamat pada 21 Februari seterusnya.



# BULETIN TAHUN 2023



## Taklimat Penanda Aras ABMS

**KUANTAN, 31 Jan 2023** - Pada 31 Januari 2023 dari jam 10 pagi hingga 1 tengah hari satu taklimat penanda aras Anti Bribery Management System (ABMS) telah diadakan di Yayasan Pahang Kuantan bagi menuju ke arah pensijilan ISO 37001 - Anti Bribery Management System (ABMS).



## Program Ke Arah Pensijilan ISO 37001 : 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)

**KUANTAN, 7 Jun 2023** - Bertempat di bilik mesyuarat Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Kuantan, Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah dan pemakaian button badge "Kami Benci Rasuah" kepada semua pegawai dan kakitangan seramai 26 orang.



## Lawatan Penanda Aras Anti-Bribery Management System (ABMS) ke Syarikat Padi Beras Nasional (BERNAS) Shah Alam

**SHAH ALAM, 20 Jun 2023** - Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang telah mengadakan lawatan menanda aras Anti- Bribery Management System (ABMS) ke syarikat Padi Beras Nasional (BERNAS). Lawatan ini diadakan bagi mendapatkan maklumat penting dalam usaha Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang ke arah pensijilan ISO 37001 : 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS). Untuk makluman BERNAS telah memenangi Anugerah Platinum dalam Anugerah

Integriti, Governans & anti Rasuah (AIGA) 2022 dan telah mengimplemenasi amalan tersebut di dalam organisasi BERNAS.



# BULETIN TAHUN 2023



## Bicara Khas Bersama SPRM Dan Ikrar Anti Bebas Rasuah Di Hotel Shahzan

**KUANTAN, 24 Jul 2023** - Telah diadakan satu program bicara khas bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bacaan ikrar bebas rasuah (IBR) pada 24 Julai 2023 bersamaan hari Isnin yang bertempat di Shahzan Hotel Kuantan Pahang, telah dirasmikan oleh Ketua Pendakwa Syarie Pahang. Slot bicara telah disempurnakan oleh Pengguna Mohd Hazni bin Mohd Rathi daripada Cawangan Perlindungan Pemberi Maklumat, Ibu Pejabat SPRM dan Ketua Penolong Kanan Pengguna Mohamad bin Hussain daripada Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Pahang.



## Majlis Khatam Al-Quran Dan Berbuka Puasa

**KUANTAN, 1 Apr 2023** - Biro Agama kelab kebajikan telah menyusun bacaan tadarus Al-Quran mengikut kumpulan kepada semua ahli kelab. Pada hari ini majlis khatam telah diadakan di ruangan pejabat JPSP yang dipimpin oleh Haji Amirul Akmal. Pada hari yang sama, majlis berbuka puasa bersama ahli keluarga telah diadakan bertempat di DSH Banquette Hall, Kuantan. Pengurus kelab telah membuat penyerahan duit raya kepada anak-anak ahli kelab ketika majlis berlangsung.



# BULETIN TAHUN 2023

## MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN BERBUKA PUASA



KUANTAN, 17 Apr 2023 - Biro Agama kelab kebajikan telah menyusun bacaan tadarus Al-Quran mengikut Kumpulan kepada semua ahli kelab. Pada hari ini majlis khatam dan berbuka puasa telah diadakan bertempat di DSH Banquette, Kuantan. Majlis ini turut membuat rakaman takbir raya melibatkan semua ahli lelaki.



# BULETIN TAHUN 2023

## Mesyuarat Agung



**KUANTAN, 29 Mac 2023** - Mesyuarat Agung kelab diadakan setiap tahun untuk membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru. Mesyuarat ini telah diadakan di Masjid Negeri Kuantan dengan mengumpulkan semua ahli dan AJK sedia ada. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Ketua Pendakwa Seramai 6 orang AJK baru telah dilantik melalui undian ahli-ahli yang lain. Manakala jawatan Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari telah dilantik oleh Tuan Pengerusi.

## Majlis Pemberian Sumbangan Raya Dan Rakaman Takbir Raya



**KUANTAN, 17 Apr 2023** - Kelab kebajikan telah mengambil inisiatif untuk memberikan raya kepada semua ahli kelab iaitu duit raya kepada anak-anak ahli dan sumbangan kuih raya.

Sumbangan ini diharapkan dapat menambahkan keceriaan dan kemeriahinan ahli dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri.

Selesai majlis sumbangan ini, rakaman takbir telah diadakan yang melibatkan ahli kelab lelaki sahaja. Rakaman ini diketuai oleh Encik Abdul Hafiz.



# BULETIN TAHUN 2023



## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**KUANTAN, 9 Mei 2023** - Pada 09 Mei 2023 bertempat di Hotel Mega View, Kuantan telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang 2022. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YAA Ketua Hakim Syarie Pahang Dato' Haji Abdul Walid bin Haji Abu Hassan, DIMP., DSPN., SAP., PJK. Dan selaku Perasmian bagi majlis kali ini. Turut hadir Ketua Pendakwa Syarie Pahang, Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf, AMP., Naib

Canselor Unipsas Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Zawawi Bin Zainal Abidin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan Dan Dasar) Majlis Ugama Islam Pahang En. Khairuddin Bin Ismail serta wakil dari Jabatan Mufti Negeri Pahang. Seramai dua orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan tiga orang penerima Anugerah Khas Ketua Pendakwa Syarie telah diraikan pada majlis ini. Turut diraikan pada majlis ini ialah Puan Nurul Nashrah Binti Abdul Halim yang sebelum ini berkhidmat di Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan telah bertukar ke Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. Tahniah kepada semua penerima anugerah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua urus setia yang telah menjayakan majlis ini.

## Sumbangan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Kelab Kebajikan



**KUANTAN, 11 Mei 2023** - Bersamaan 20 Syawal tahun 1444H telah diadakan satu Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kelab Kebajikan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang (JPSP) yang dimeriah dengan kehadiran pelbagai agensi seperti Bahagian Penguatkuasaan JAIP, Pejabat Agama Daerah Kuantan, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan pelbagai lagi. Antara menu yang dihidangkan untuk para tetamu adalah rendang ayam dan daging, lemang, nasi khoumok, laksa asam, nasi dagang, sate ayam dan pelbagai jenis air, pencuci mulut dan kuih muih. Jamuan bermula dari jam 10 pagi hingga 1.00 tengah hari pejabat JPSP.





# BULETIN TAHUN 2023



## Majlis Amanat YAB Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Negeri Pahang

**KUANTAN, 18 Apr 2023** - YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim yang diiringi YAB Menteri Besar Pahang, Dato Sri' Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail hadir pada Majlis Amanat YAB Perdana Menteri bersama Penjawat Awam Negeri Pahang yang bertempat di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan.



## Kolokium Perundangan Syariah ke-6

**CAMERON HIGHLANDS, 15 Mei 2023** - Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang selaku pengajur tetap bagi Kolokium Perundangan Jenayah Syariah Peringkat Negeri Pahang telah menganjurkan Kolokium Perundangan Syariah bagi kali ke-6 yang bertempat di Hotel Heritage Cameron Highland pada 15 hingga 17 Mei 2023. Kolokium ini turut disertai oleh Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan Bahagian Pengukuasaan, Jabatan Agama Islam Pahang. Objektif utama kolokium adalah mendapatkan kesepakatan dalam semua isu-isu perundangan jenayah syariah yang berlaku di negeri Pahang.



## Bengkel Khidmat Rundingan Pelan Strategik Jabatan

**GENTING HIGHLAND, 8 Jun 2023** - Bertempat di Hotel Seri Malaysia Genting Highland pada 8 dan 9 Jun 2024 disertai oleh pegawai yang dilantik oleh jabatan sebagai peserta dalam bengkel Khidmat Rundingan Pelan Strategik Jabatan. Bengkel ini dikendalikan oleh 3 orang pegawai MAMPU sebagai pemudahcara bagi bengkel yang berlangsung selama dua hari tersebut.



# BULETIN TAHUN 2023



## Lawatan Mahabbah Kasih Mantan Pengarah / KPS

**KUANTAN, 23 Jun 2023** - Satu kunjungan ziarah Mahabbah Kasih telah diadakan ke rumah mantan Pengarah / Ketua Pendakwa Syarie Tuan Haji Abu Kasim bin Pilus bertempat di rumah beliau di Sg. Soi Kuantan. Ziarah ini telah diketuai oleh Pengarah / Ketua Pendakwa Syarie Tuan Haji Salehuddin bin Abdul Manaf selaku Pengerusi kelab jabatan, hadir bersama-sama ialah beberapa orang Ahli Jawatankuasa (AJK) kelab. Sumbangan ahli telah diserahkan semasa sesi pertemuan tersebut. Tujuan ziarah ini adalah bagi melihat sendiri masalah kesihatan yang sedang dialami oleh beliau selain bagi mengekalkan hubungan silaturrahim yang telah sedia ada terjalin. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kesembuhan serta dipermudahkan urusan Tuan Haji Abu Kasim bin Pilus.



## Korban Perdana Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (JPSP)

**TEMERLOH, 2 Jul 2023** - Buat julung kalinya Kelab Kebajikan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang mengadakan satu majlis korban melibatkan 7 orang ahli yang berkongsi 7 bahagian seekor lembu. Program ini telah diadakan di Kampung Sanggang Temerloh. Aktiviti gotong-royong memasak daging korban telah dijalankan di KRT Bunut Rendang Jaya Kuantan. Antara menu yang disediakan untuk ahli adalah sup tulang dan daging goreng kunyit. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Semoga ibadah korban ini dapat menyucikan hati daripada perasaan riak dan penyakit hati yang lain serta dikurniakan ganjaran besar daripada Allah kepada semua peserta korban.



# BULETIN TAHUN 2023



## Mesyuarat Jawatankuasa Semakan dan Pindaan Undang-Undang JPSP

**KUANTAN, 6 Jul 2023** - Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Dan Pindaan Undang-Undang Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang kali ke-2 pada 6 Julai 2023 bertempat di bilik Mesyuarat Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang. Tujuan utama mesyuarat ini diadakan adalah membuat semakan draf pindaan undang-undang bersama Puan Maimun, pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang. Antara pindaan enakmen yang berkaitan ialah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 dan lain-lain.



## Bicara Intelek

**KUANTAN, 25 Jul 2023** - Seramai sepuluh orang kakitangan Jabatan ini telah menyertai Bicara Intelek yang telah dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Ahmad Shah Pahang pada 25 Julai 2023. Bicara ini telah disempurnakan oleh Dr. Usamah Sayyid Azhari dengan tema Membimbing Ummah Sejahtera.



## Seminar Pemahaman Undang-Undang Syarak & Sivil

**LABUAN, 3 Ogos 2023** - Seramai tiga orang kakitangan jabatan ini telah menyertai Seminar Pemahaman Undang-undang Syarak & Sivil yang telah dijalankan di Kompleks Darul Kifayah Labuan pada 3 Ogos 2023.



# BULETIN TAHUN 2023



## Program Jom Sihat

**KUANTAN, 8 Ogos 2023** - Biro sukan telah menganjurkan program “Jom Sihat” yang diadakan di Taman Bandar, Indera Mahkota Kuantan. Aktiviti dimulakan dengan senamrobik yang diketuai oleh biro sukan dan seterusnya acara berjoging di sekitar kawasan tasik. Program ini bertujuan mengeratkan ukhwah di kalangan ahli kelab sekaligus dapat memberi manfaat kesihatan kepada tubuh badan.



# BULETIN TAHUN 2023



## Perlawanan Badminton Persahabatan Antara Institusi Agama

**KUANTAN, 21 Ogos 2023** - Telah diadakan satu perlawanan persahabatan badminton bertempat di Synergy Court Sungai Isap Kuantan anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan (PAID). Sebanyak 4 jabatan telah menyertai acara ini iaitu JKSP dan Pejabat Agama Islam Kuantan Barat. Acara yang dipertandingkan adalah beregu lelaki dan wanita yang mana beregu lelaki berjaya mendapat tempat ketiga manakala beregu wanita mendapat johan dalam kategori tersebut.





# BULETIN TAHUN 2023



## Multaqa Makhamah Syariah

**NILAI, 25 Ogos 2023** - Sebanyak 14 kontinjen telah menyertai acara berprestij ini, mewakili semangat berpasukan dalam bidang sukan dan pertandingan. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi gaya hidup sihat dan menggalakkan kecemerlangan dalam perkhidmatan. Acara ini telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia. Kelab telah menyumbangkan sebanyak RM 1,000 untuk penyelenggaraan program tersebut.



# BULETIN TAHUN 2023



## Lawatan Penanda Aras JPSP ke Bahagian Pendakwaan Kedah dan Jabatan Pendakwaan Negeri Pulau Pinang

**KEDAH DAN PULAU PINANG, 17 Sept 2023** - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang telah mengadakan lawatan penanda aras ke Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Kedah dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang. Lawatan ini diketuai oleh Tuan Haji Salehuddin Bin Abdul Manaf Ketua Pendakwa Syarie Negeri Pahang bersama 17 orang pegawai. Delegasi JPSP telah disambut baik oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah & Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang. Antara perkara yang dibincangkan ialah isu perundungan syariah di Malaysia serta bertukar pandangan dari pelbagai sudut berkaitan dengan undang-undang dan hukum syarak. Lawatan ini juga bertujuan mengeratkan hubungan antara jabatan. Lawatan ini diadakan selama dua hari bermula 17 hingga 18 September 2023.



## Muzakarah Pendakwa Syarie 2/2023 JPSP

**SUNGAI LEMBING, 25 Sept 2023** - Program tahunan di JPSP iaitu Muzakarah Pendakwa Syarie telah dilangsungkan selama tiga hari bermula pada 25 hingga 27 September 2023. Muzakarah kali ke-6 ini telah dijalankan di Sungai Lembing Kuantan yang melibatkan semua pegawai dan kakitangan jabatan sama ada yang menjawat skim jawatan LS (Undang-Undang Syariah) mahupun sebaliknya. Antara slot yang terdapat dalam tentatif muzakarah ini ialah pembentangan warta yang bertajuk Ajaran Sesat, aktiviti *hiking* dan pelbagai slot berbentuk *indoor and outdoor*.



# BULETIN TAHUN 2023



## Bengkel Pelupusan Aset Kerajaan

**KUANTAN, 25 OKTOBER 2023** - Buat kali kedua bagi tahun 2023 Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan Jabatan ini telah mengadakan bengkel yang kedua berkaitan aset kerajaan iaitu Tatacara Pelupusan Aset Alih Kerajaan. Bengkel yang berlangsung pada 25 Oktober 2023 di Hotel E-Red Kuantan ini melibatkan hampir semua kakitangan JPSP walaupun sebilangan kecil sahaja yang terlibat secara langsung dengan pengurusan aset jabatan. Ini kerana pendedahan secara terperinci mengenai aset kerajaan perlu diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan jabatan dalam pengurusan aset kerajaan ini pada bila-bila masa sahaja jika dilantik oleh jabatan.

## Bengkel Pengurusan Sistem Dokumen Hotel Scapes Genting Highland

### GENTING HIGHLANDS, 1 NOVEMBER 2023 -

Satu Bengkel Pengurusan Sistem Dokumen yang telah dirancang awal telah pun sempurna dijalankan di Hotel Scapes Genting Highlands iaitu pada 1 November 2023. Bengkel ini melibatkan sebahagian kecil sahaja daripada pegawai dan kakitangan JPSP dengan dimudahcarakan oleh penceramah jemputan daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Puan Azlina binti Kamarudin. Antara lain objektif bengkel ini ialah pendedahan awal mengenai pengurusan dokumen-dokumen pentadbiran jabatan melalui sistem yang lebih cekap yang bakal ditetapkan nanti.





# BULETIN TAHUN 2023



## Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

**TEMERLOH, 7 Nov 2023** - Telah berlangsung Program Tanggungjawab Sosial Korporat Kawasan Kerdau yang melibatkan beberapa aktiviti seperti Seminar Kesedaran Undang-Undang dan Majlis Perasmian CSR Kawasan Kerdau yang telah berlangsung di Dewan Dato' Zaharudin dengan dihadiri seramai 110 orang peserta. Majlis perasmian telah dirasmikan oleh YH Dato' Dr. Haji Zulkiflee bin Haji Ali Al Hafiz (Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang) yang mewakili YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang selaku ADN Kerdau).

Seterusnya, gotong royong memasak bersama penduduk setempat telah dijalankan di Masjid Omar Abdul Aziz. Program tersebut diadakan bertujuan untuk menyediakan jamuan makan malam sempena kuliah maghrib yang disampaikan oleh PU Angah. Dalam masa yang sama telah diadakan program sukan rakyat bertempat di Sekolah Kebangsaan Lipat Kajang. Program sukan ini telah mendapat sambutan yang hebat daripada penduduk setempat dengan menyertai pelbagai acara yang dipertandingkan melibatkan pelbagai lapisan umur. Antara sukan yang diadakan adalah lari dalam guni, tiub belon, tiup gula-gula dalam tepung, sepak raga, *shoot* bola jaring, sepankan penalti dan pelbagai lagi. Turut hadir pada petang tersebut ialah YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang selaku ADN Kerdau).



# BULETIN TAHUN 2023



## Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kerdau, 7 November 2023

**TEMERLOH, 7 NOVEMBER 2023** - Syariah Pahang mengadakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sejak penubuhan jabatan ini secara rasmi pada tahun 2019. Program yang berlangsung selama sehari penuh bermula awal pagi 7 November 2023 hingga ke sebelah malamnya. Program CSR yang telah dirasmikan oleh YB Exco Pendidikan Negeri Pahang iaitu Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad ini telah dijalankan di beberapa lokasi sekitar pekan Kerdau iaitu Dewan Dato' Zaharuddin, Masjid Omar Abdul Aziz dan Sekolah Kebangsaan Lipat Kajang. Antara program yang diselitkan dalam CSR ini ialah Seminar Undang-Undang, gotong-royong memasak bersama penduduk setempat di Kerdau, sukan rakyat, ceramah motivasi dan diakhiri kuliah maghrib. Seperti program CSR yang lain-lain, Jabatan ini juga menyasarkan perkongsian maklumat undang- undang syariah dan menjalinkan hubungan antara komuniti masyarakat setempat dengan jabatan ini.



## Bengkel Pengurusan Pendaftaran Kes, Pemberatan Hukuman dan Simulasi Pendengaran Kes Hotel Scapes Genting Highlands 14 - 16 November 2023

**GENTING HIGHLANDS, 14 NOVEMBER 2023** - Telah berlangsungnya satu bengkel pengurusan pendaftaran kes, pemberatan hukuman dan simulasi pendengaran kes telah diadakan di Scapes Hotel, Genting Highland. Penceramah bagi bengkel ini telah disampaikan oleh YA Tuan Zulfikri Bin Yasoa dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

Antara perkara yang dibincangkan ialah penyediaan pendaftaran dokumen yang lengkap, penyampaian pemberatan hukuman yang terbaik dan kaedah perbicaraan kes yang tepat. Selain itu, satu perbincangan khas berkaitan dengan hukum syarak dan undang-undang serta isu-isu semasa perundangan syariah.



# BULETIN TAHUN 2023

## AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG (KEJAP)



### Program Ihya' Ramadhan 1444H Program Memasak Bubur Lambuk

**KUANTAN, 2023** - Berlokasi di Indera Mahkota Kuantan, seramai 26 orang ahli kelab kebajikan telah bersama-sama menjayakan memasak bubur lambuk dan seterusnya membuat edaran kepada jemaah masjid serta agensi-agensi berdekatan. Program memasak bubur lambuk ini merupakan kali kedua dianjurkan bermula tahun 2022.



### Perlawanan Tenpin Boling

**KUANTAN, 18 NOVEMBER 2023** - Telah diadakan satu perlawanan tenpin boling anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat melibatkan 4 jabatan iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang, Masjid Negeri, Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat dan Pejabat Agama Islam Bandaraya Kuantan yang berlangsung di Mega Lanes Mega Mall Kuantan. Kelab telah menghantar seramai 4 orang peserta wanita dan 9 orang peserta lelaki. Di akhir perlawanan, peserta lelaki telah berjaya mendapat tempat kelima dan ketiga manakala pasukan wanita gagal mendapat sebarang tempat di perlawanan tersebut. Keseluruhan perlawanan telah dimenangi oleh Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat.



# BULETIN TAHUN 2023

## SIMPOSIUM PERUNDANGAN JENAYAH SELURUH MALAYSIA



**KUANTAN, 6 DISEMBER 2023** - Simposium ini telah diadakan di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan melibatkan penyertaan dari seluruh Malaysia seramai 176 orang yang terlibat dari pelbagai agensi agama.


### Pembentangan kertas kerja pertama oleh :

YBhg. Datuk Mohamad Shafie bin Harun, Ketua Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan tajuknya “Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; Penguatkuasaan, Siasatan dan Pendakwaan Kesalahan Jenayah Media Elektronik”.



### Pembentangan kedua oleh :

YBhg. SAC Datuk Mohamad Zainal bin Haji Abdullah selaku Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendakwaan Undang-undang (D5), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman dengan kupasan “Pengendalian Proses Siasatan Kesalahan Jenayah Di Media Sosial; Isu-Isu dan Cabaran”.



### Pembentangan ketiga yang bertajuk :

“Isu dan Cabaran Dalam Pembuktian Kesalahan Jenayah Yang Diterbitkan Secara Elektronik Serta Pindaan Enakmen Undang-undang Syariah Yang Berkaitan Dengannya” disampaikan oleh Puan Azizah binti Aling selaku Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara. Majlis berlangsung selama dua hari bermula pada 6 dan diakhiri pada 7 Disember 2023.



# BULETIN TAHUN 2023

## Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Anti Rasuah (OACP) JPSP & Pelan Strategik JPSP



**KUANTAN, 7 DISEMBER 2023** - Bertempat di Hotel Grand Darul Makmur, perasmian oleh Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, wakil rasmi YAB Menteri Besar Pahang.



# BULETIN TAHUN 2023



## Bengkel E-Jinayat JAKIM Putrajaya 21 Disember 2023

**PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2023** - Seramai 13 orang pegawai dan kakitangan jabatan ini telah menghadiri bengkel E-Jinayat anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah diadakan di Bilik Latihan JAKIM Putrajaya.

Objektif utama bengkel ini antaranya untuk memberi taklimat dan pendedahan awal berkenaan sistem e-Jinayat versi ke-4 khususnya modul-modul yang berkaitan pendakwaan yang bakal dilancarkan dalam bulan Januari 2024.



# BULETIN TAHUN 2023

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022



Mohd Amin  
Bin Idris



Mohd Hafizal  
Bin Azmi

## ANUGERAH KETUA PENDAKWA SYARIE TAHUN 2022



Ahmad Safwan Fathi  
Bin Ali Basar



Mohd Kamal Yassir  
Bin Hamid





Haslinda Binti Harun



# BULETIN TAHUN 2023

## STATISTIK KES DAN BAYARAN DENDA





# BULETIN TAHUN 2023

## MENGAJAR AGAMA TANPA TAULIAH

Oleh : Tuan Ahmad Norahman bin Mohd Noor  
Bahagian Perbicaraan Dan Rayuan JPSP

Mengajar didefinisikan sebagai memberi ceramah, tazkirah atau perkara yang berkaitan dengan agama Islam kepada orang awam. Agama pula membawa maksud kepercayaan, ajaran, pegangan, anutan dan ikutan berkaitan dengan sesuatu amalan. Berdasarkan takrifan yang dijelaskan, dapat difahami bahawa individu yang ingin mengajar agama perlu mendapatkan tauliah khas di negeri masing-masing sebelum menyampaikan ajarannya.

Tauliah ialah kebenaran yang diberikan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu tugas atau perkara seperti menjadi imam, mengajar, berceramah, jurunikah dan sebagainya. Berdasarkan maksud ini, istilah “tauliah” pada asalnya adalah umum iaitu merujuk kepada apa sahaja keizinan, kuasa atau tugas yang dibenarkan oleh undang-undang dalam melakukan sesuatu perkara. Tauliah agama cukup penting bagi memastikan mereka yang diiktiraf sahaja dibenarkan untuk mengajar dan membimbing masyarakat.

Keperluan kepada tauliah mengajar ini bukanlah untuk menghalang atau menyusahkan seseorang yang ingin mengajar agama sebaliknya sebagai langkah pencegahan bagi memenuhi maqasid syariah dalam aspek memelihara agama Islam. Selain itu juga, tujuan atau keperluan tauliah ini adalah memastikan agama Islam terus terpelihara daripada sebarang anasir penyebaran ajaran salah, fitnah-memfitnah dan bersangka buruk yang boleh menimbulkan kesan negatif terhadap agama, masyarakat dan negara.

Mana-mana yang ingin mendapatkan tauliah mengajar agama Islam di negeri Pahang hendaklah memohon perakuan mengajar terlebih dahulu. Bagi memudahkan masyarakat memohon perakuan mengajar agama Islam di negeri Pahang, bolehlah memohon perakuan tersebut melalui Majlis Ugama Islam Pahang atau membuat permohonan secara atas talian. Keperluan perakuan ini adalah berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017.

Berdasarkan Enakmen Negeri-negeri, berbuatan mengajar agama tanpa tauliah dianggap telah melakukan satu kesalahan jenayah syariah. Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013, telah memperuntukkan kesalahan mengajar tanpa tauliah. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut :

### **Seksyen 52. Mengajar agama Islam tanpa kebenaran atau tauliah**

*Mana-mana yang, kecuali di tempat kediamannya sendiri dan di hadapan ahli-ahli keluarganya sahaja, mengajar apa-apa hukum atau ajaran agama Islam tanpa kebenaran atau tauliah daripada Majlis merupakan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.*



# BULETIN TAHUN 2023

Pada zaman moden dan serba canggih ini, kesalahan mengajar agama tanpa tauliah di alam siber ini perlu diberi perhatian kerana peruntukan undang-undang melalui seksyen 52 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 hanya menyentuh perihal kesalahan yang dilakukan secara fizikal dan tidak menyentuh kesalahan yang dilakukan di alam maya.

Berdasarkan peruntukan ini terdapat beberapa elemen kesalahan yang perlu dipenuhi sebelum penguatkuasaan terhadap golongan yang mengajar agama tanpa tauliah ini dikuatkuasakan. Elemen kesalahan yang perlu dipenuhi bagi memastikan pendakwaan boleh dilakukan adalah seperti berikut :

- a) Kegagalan mengemukakan tauliah mengajar agama yang sah. Tauliah ini perlu dipohon kepada Majlis Agama Islam Negeri.
- b) Pengajaran tersebut mestilah dilakukan di tempat awam. Jika OYDS melakukan pengajaran agama di rumah kediamannya sendiri dan ditujukan kepada ahli keluarganya sahaja, maka penceramah tersebut tidak perlu mendapatkan tauliah.
- b) Pengajaran yang disampaikan kepada orang awam tersebut perlu berkaitan dengan perkara agama. Bagi memastikan pihak penguasaan mempunyai bukti yang kukuh mengenai perbuatan OYDS intipati dalam majlis tersebut mestilah dibuktikan.

Selain itu, mana-mana orang yang bertindak sebagai pengajur kepada acara mengajar dan memberi syarahan agama Islam menggunakan penceramah tidak bertauliahan, adalah melakukan suatu kesalahan penyubahan sebagaimana Seksyen 54 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.

Kesalahan mengajar agama tanpa tauliah yang dilakukan di media sosial lebih memberikan impak yang mendalam kepada masyarakat. Ini kerana teknologi kini yang lebih canggih tanpa batasan yang menjadikan sesiapa sahaja dapat mengakses kandungan ceramah tersebut di media sosial dan penyebarannya adalah lebih meluas tanpa mengira latarbelakang dan pegangan golongan yang mengambil input terhadap penyampaian tersebut.

Hakikatnya, Penguatkuasaan jenayah syariah di alam siber mempunyai pelbagai cabaran untuk dikuatkuasakan. Disebabkan jenayah syariah ini berlaku di alam siber, maka pembuktian juga terkait dengan bukti-bukti digital seperti telefon bimbit, komputer dan sebagainya yang berisiko dipadam. Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (Bahagian Penguatkuasaan) boleh diambil jika berlaku perlanggaran berdasarkan enakmen dan dikuatkuasakan. Namun bahagian penguatkuasaan mempunyai cabaran untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan jelas daripada pengadu berkaitan kesalahan mengajar tanpa tauliah ini.



# BULETIN TAHUN 2023

Jika maklumat yang diberikan oleh pengadu tidak lengkap dan tidak jelas, maka ia sekaligus menyukarkan pihak penguatkuasaan untuk mengambil tindakan. Perlu diketahui bahawa maklumat yang lengkap dan jelas adalah penting bagi memastikan kesalahan ini memenuhi elemen yang telah diperuntukkan. Kesan kepada maklumat yang tidak lengkap dan tidak jelas ini akan menjelaskan pembuktian kes di Makhamah.

Penambahbaikan terhadap peruntukan yang sedia ada ini penting bagi tujuan pendakwaan terhadap kesalahan mengajar agama tanpa tauliah ini dikuatkuasakan. Peruntukan undang-undang yang tidak kukuh mudah menyebabkan kesalahan ini dicabar di peringkat Makhamah Sivil atas dasar kebebasan bersuara. Justeru, perkara utama yang perlu dilakukan bagi menguatkuasakan kesalahan ini adalah dengan mengukuhkan perundangan yang sedia ada.

Kesimpulannya, cabaran dalam menguatkuasakan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah ini perlu diatasi agar penguatkuasaan terhadap kesalahan ini dapat dikuasakan. Hal ini juga bagi memastikan penguatkuasaan jenayah syariah yang lebih menyeluruh dapat dilakukan bukan sahaja kesalahan mengajar agama tanpa tauliah yang dilakukan secara fizikal, namun kesalahan yang dilakukan di alam siber juga turut boleh didakwa. Dalam menguatkuasakan kesalahan ini, undang-undang yang ada memerlukan kepada pindaan. Penambahbaikan terhadap undang-undang juga harus diteliti bagi memastikan kesalahan mengajar agama di alam siber relevan untuk dikuatkuasakan. Namun apa yang lebih penting pengawalan terhadap perkara ini adalah bertujuan untuk memastikan dakwah yang tersebar luas di Malaysia adalah berteraskan Hukum Syarak dan selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



# BULETIN 2023-2024

## GALERY GAMBAR AKTIVITI JPSP





# BULETIN 2023-2024

## GALERY GAMBAR AKTIVITI JPSP





# BULETIN 2023-2024

## GALERY GAMBAR AKTIVITI JPSP





# BULETIN 2023-2024

## GALERY GAMBAR AKTIVITI JPSP

